

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22 Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 2781 2998
www.bankislam.com.my

BANK ISLAM BANTU PELAKSANAAN PROJEK TEKNOLOGI HIJAU

KUALA LUMPUR, Selasa, [30 April 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini menandatangani perjanjian kemudahan pembiayaan dengan TiME Marine Services Sdn Bhd untuk membiayai sebahagian daripada projek teknologi hijaunya yang dikenali sebagai ‘Pemulihan Hidrokarbon Dalam Pesisir dari Enap Cemar’ untuk Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS).

TiME Marine Services, sebuah syarikat pelbagai perkhidmatan untuk industri minyak dan gas, juga merupakan pemenang Cabaran Teknologi PETRONAS ketiga yang diumumkan pada September 2018. Cabaran Teknologi PETRONAS adalah inisiatif sumber awam (crowdsourcing) teknologi yang mana bertujuan untuk mencari penyelesaian yang inovatif untuk mengatasi masalah operasi PETRONAS. TiME Marine Services Sdn Bhd mencadangkan penyelesaian yang terdiri daripada bahan kimia boleh urai (biodegradable) dan teknologi mekanikal berkesan yang dapat memulihkan hidrokarbon, air dan lain-lain pepejal dari enap cemar berminyak. Penyelesaian yang dicadangkan juga akan melihat pengurangan kos dan meminimumkan pelupusan asal kepada badan pengurusan sisa pihak ketiga.

Di majlis tersebut, Ketua Perbankan Komersil, Encik Ahmad Haliman Abdul Halim menandatangani perjanjian itu bagi pihak Bank Islam bersama Tuan Haji Omar Khalid, Ketua Pegawai Eksekutif TiME Marine Services.

Majlis menandatangani perjanjian ini turut disaksikan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan Encik Hamidon Md Khayon, Pengarah Eksekutif TiME Marine Services.

Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam dengan besar hati memberikan pembiayaan ini yang akan dapat menyokong penyelesaian beretika dan mesra alam kepada industri petroleum. Dengan menyediakan kemudahan ini, kami dapat memberi khidmat kepada ekonomi sebenar yang mewakili salah satu inisiatif pengantaraan berasaskan nilai serta merealisasikan hasrat kerajaan untuk menyokong perkembangan dan pelaksanaan penyelesaian teknologi hijau di negara ini."

Bank Islam juga merupakan salah satu rakan pembiayaan PETRONAS dalam Program Pembiayaan Vendor syarikat nasional dan gas, yang bertujuan untuk menyediakan akses kemudahan pembiayaan projek kepada sektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE). Sejak kerjasama bermula pada 2018, Bank Islam telah meluluskan lebih daripada 180 juta kemudahan perbankan kepada 45 vendor.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimpholdings.com Web: www.bimpholdings.com
---	---